



SPARKLE

TOTS PRESCHOOL
BY PAP COMMUNITY FOUNDATION



Joy of Reading Aktiviti Susulan

Nurseri



Bentuk-bentuk Di Alam Persekitaran

Bahan-bahan yang diperlukan:

1. Sarung tangan
2. Beg plastik terpakai
3. Topi (jika perlu)
4. Pita pelekat (jika perlu)

Objektif:

- Mengenal pelbagai bentuk.
- Mereka bentuk secara kreatif menggunakan bahan-bahan dari alam persekitaran.

Mengenal bentuk-bentuk dengan cara seronok dan kreatif menggunakan bahan-bahan di alam persekitaran.

Apa yang boleh dilakukan bersama anak anda:

1. Buat perancangan aktiviti di luar rumah - ke taman berdekatan atau pantai.
2. Membawa bahan-bahan yang diperlukan seperti yang disarankan. Anda juga boleh menggunakan sedikit losyen pelindung matahari sebelum keluar rumah.
3. Mengajak anak anda berjalan-jalan dan mencari bahan-bahan alam persekitaran yang ada di sekeliling mereka. Contoh:
 - Ranting / dahan pokok yang berbagai ukuran dan bentuk, daun, batu-batu kecil, biji-bijian
4. Mengingatkan anak anda bahawa bahan-bahan ini tidak boleh dipetik. Hanya boleh mengambil bahan-bahan yang gugur/ dijumpai di atas rumput / tanah.
5. Gunakan sarung tangan dan letakkan bahan-bahan yang dikumpul ke dalam beg plastik.
6. Mencari tempat yang sesuai dan menggalakkan anak anda untuk mereka berbagai bentuk dengan menggunakan bahan-bahan yang telah dikumpulkan tadi.
7. Benarkan anak anda untuk menyusun bentuk-bentuk tersebut di atas rumput / tanah.



Nota untuk ibubapa:

Membawa pulang bahan-bahan alam persekitaran yang dikumpulkan dan gunakan kertas majalah atau suratkhbar untuk menyusun bentuk-bentuk yang direka.

Yoga Taman

Bahan-bahan yang diperlukan:

1. Pakaian yang selesa
2. Tikar / tuala
3. Telefon bijak / komputer
4. Video
<https://binged.it/3rrGJtJ>



Objektif:

- Mengetahui kepentingan aktiviti bersenam.
- Menggunakan kemahiran motor kasar semasa melakukan pergerakan senaman yoga.

Senaman yoga bukan hanya untuk orang-orang dewasa. Melakukan pergerakan senaman yoga mempunyai banyak manfaat. Ketika melakukan pelbagai pergerakan senaman yoga, ia membantu anak-anak anda mengetahui kemampuan tubuh mereka untuk melakukan pergerakan tersebut. Ayuh! Mari kita mulakan.

Apa yang boleh dilakukan bersama anak anda:

1. Pilih tempat yang lapang dan sesuai di rumah anda.
2. Bentangkan tikar / tuala di atas lantai dan berdiri di atasnya.
3. Mulakan dengan mengambil nafas perlahan sebanyak 5 kali untuk bersiap sedia melakukan pergerakan senaman yoga.
4. Bimbing anak anda untuk mengikuti 5 pergerakan yoga ini:
 - Aksi matahari
 - Aksi pokok
 - Aksi burung
 - Aksi hujan
 - Aksi menanam benih
5. Ulangi pergerakan senaman yoga sebanyak 3 kali.



Nota untuk ibubapa:

Menggalak anak anda untuk mereka pergerakan senaman yoga secara kreatif dan berbual mengenainya.